



Ruj. Kami : APMM.JUTRA.300-4/6/3 (33)
Tarikh : 11 Mac 2024

Pengarah Urusan
Galaxy Aerospace Malaysia Sdn Bhd
d/a Stesen Udara Maritim Subang
40150 SHAH ALAM
Selangor Darul Ehsan
(u.p.: **Senior Maintenance Manager**)

Tuan,

PELAKSANAAN *ONE-TIME INSPECTION* PADA STRUKTUR BAHAGIAN EKOR (TAIL SECTION) PESAWAT DAN KOMPONEN SISTEM KAWALAN PENERBANGAN BAGI PESAWAT JENIS AW139

Rujuk:

A. KDN/PL/T/APMM/4/2021 bertarikh 31 Januari 2021

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara dan rujuk di atas.

2. Seperti yang tuan sedia maklum pesawat jenis AW139 dengan nombor pendaftaran M72-01 telah mengalami pendaratan kecemasan atas laut semasa menjalani latihan rutin pada 5 Mac 2024 (Selasa) dalam jam 0955H di kawasan berhampiran selatan Pulau Angsa, Kuala Selangor. Berikutan itu penubuhan Lembaga Siasatan Dalaman telah dibentuk untuk menjalankan siasatan terperinci bagi mengenal pasti punca kejadian sebelum sebarang laporan rasmi dapat dikeluarkan.

3. Susulan dari insiden nahas tersebut dan menunggu hasil siasatan awal dari pihak Lembaga Siasatan Dalaman, pihak tuan dikehendaki menjalankan *one-time inspection* secara *Detailed Inspection* (DI) dan *Functional Check* (FC) yang menyeluruh pada struktur bahagian ekor (*tail section*) pesawat dan setiap komponen sistem kawalan penerbangan (*flight control*) bagi semua pesawat jenis AW139 yang terlibat dibawah skop kontrak perkhidmatan penyelenggaraan seperti Rujuk A di atas sebagai langkah awal untuk meningkatkan tahap kesiagaan dan keselamatan pengoperasian pesawat.

4. Lanjutan daripada itu pihak tuan perlu mengemukakan laporan pemeriksaan terhadap pesawat yang terlibat dalam arahan di atas sebelum pelepasan untuk menyambung peroperasian pesawat seterusnya boleh dikeluarkan oleh pihak Agensi.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai. Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MENGAWAL, MELINDUNG, MENYELAMAT”

Saya yang menjalankan amanah,



(KOMANDER MARITIM ANAHAR BIN MOHD @ YAHYA)

Ketua Penolong Pengarah Kejuruteraan Udara

b.p. Ketua Pengarah

Salinan Kepada:

Makluman:

Dalam:

Ketua Pengarah

Pengarah Bahagian Kejuruteraan

Pengarah Bahagian Operasi Udara

Ketua Stesen Udara Maritim Subang

Luar:

Ketua Pengarah

Directorate General Technical Airworthiness

d/a Pangkalan Udara Subang

40000 SHAH ALAM

Selangor Darul Ehsan